

# Entri Katalog COM: Setengah Ciri Baru

oleh  
Mercy Selvaratnam\*

**Abstract:** *The card catalogue in the University of Malaya Library has been closed as from 1.1.82 and all records of items catalogued since that date under the MALMARC system are located in the COM (Computer Output Microfiche) catalogue. The purpose of this article is to familiarize the users with the format of the entries in the COM catalogue which conforms in substance with the card catalogue format but does embody certain variations which, if left unexplained may prove confusing at first glance.*

*The most obvious change is the allocation of a unique control number for each item located at the bottom of the entry followed by the call number and the accession numbers. The COM catalogue being a union catalogue of the holdings of the Main Library and its branch libraries of the Law, Medical and Academy Islam faculties as well as those of the Library of the Institute of Postgraduate Studies would contain the call numbers allocated by these various institutions to an item held concurrently by all of them. Since call numbers may vary in accordance with the scheme of classification adhered to by the institution concerned, they are listed in a certain prescribed order. In like manner, the accession number (comprising nine characters) of an item is preceded by a unique numeric characters to distinguish the collection where it is sited. Thus at a glance the reader is aware of the number of copies and the location of an item.*

Katalog berbentuk kad, yang merupakan asas maklumat bibliografis bagi semua bahan-bahan yang tersimpan di Perpustakaan, sekarang sedang digantikan dengan katalog COM (Computer Output Microform) dan seterusnya akan ditukarkan kepada katalog secara 'on-line' kelak. Tujuan rencana ini ialah untuk mengenalkan kepada pengguna bentuk katalog COM. Ia sebenarnya adalah serupa dengan katalog berbentuk kad kecuali ia mengandungi maklumat tambahan. Maklumat tambahan ini akan lebih menguntungkan pengguna.

Perbezaan utama antara katalog COM dan katalog berbentuk kad ialah tempat terletaknya nombor panggilan: iaitu di bawah entri dan bukan di bahagian atas sebelah kanan seperti mana terdapat dalam katalog berbentuk kad. Setiap bahan di database diberi nombor pengawalan yang unik. Nombor ini penting kerana ia akan membolehkan pengkatalog mencari entri yang dikehendaki dengan hanya menggunakan nombor tersebut untuk membuat pembezulan jika perlu nanti.

Oleh kerana semua perpustakaan-perpustakaan cawangan Universiti Malaya menggunakan database yang sama, maka terdapat nombor-nombor kelas yang berlainan diberi kepada bahan-bahan duplikat. Untuk mengelakkan kekeliruan; nombor-nombor kelas yang diberi itu disenaraikan menurut keutamaan berikut:

1. Perpustakaan Besar
2. Perpustakaan Perubatan
3. Perpustakaan Undang-undang
4. Perpustakaan Akademi Islam
5. Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi

Entri-entri bagi bahan-bahan duplikat mengandungi nombor kelas yang tidak sama oleh kerana separuh dari perpustakaan-perpustakaan cawangan tersebut menggunakan sistem pengkelasan yang berbeza. Misalnya, Perpustakaan Undang-undang menggunakan sistem pengkelasan berdasarkan Los Angeles County Law Library manakala Perpustakaan Perubatan menggunakan sistem pengkelasan

---

\*Bahagian Katalog, Perpustakaan Universiti Malaya.

National Library of Medicine (NLM). Jadi buku-buku mengenai ilmu jenayah yang diperolehi oleh Perpustakaan Besar akan dikelaskan di 'HV' (Sosio-logi) manakala Perpustakaan Undang-undang meng-kelaskannya di 'K' (Undang-undang Jenayah). Seperti juga dengan bahan-bahan sains, misalnya sebuah buku mengenai kajian tubuh badan akan dikelaskan di 'Q' oleh Perpustakaan Besar manakala Perpustakaan Perubatan menggunakan kelas lain mengikut sistem pengelasan NLM.

Akhirnya, nombor aksesen bagi setiap naskhah yang disimpan oleh sesebuah perpustakaan cawangan itu dimasukkan pada hujung entri tersebut. Dalam sistem MALMARC, ruang untuk mengisi sebanyak 9 angka disediakan bagi nombor aksesen tetapi oleh kerana nombor aksesen yang paling besar bagi bahan-bahan di Perpustakaan ini hanya dapat mengisi ruang untuk 6 angka sahaja, maka ruang-ruang terlebih itu diisi dengan angka kosong.

Untuk membezakan bahan-bahan kepunyaan se suatu perpustakaan cawangan dari yang lain, nombor aksesi didahului oleh angka kod numerik seperti berikut:—

- 0 — Perpustakaan Besar
- 1 — Koleksi Kebangsaan

- 2 — Institut Pengajian Tinggi
- 3 — Akademi Islam
- 4 — Perpustakaan Undang-Undang
- 5 — Perpustakaan Perubatan

Contoh:—

- 000653331 — Bahan Perpustakaan Besar
- 100653332 — Bahan Koleksi Kebangsaan
- 200653333 — Bahan Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi
- 300653334 — Bahan Akademi Islam
- 400653335 — Bahan Perpustakaan Undang-Undang
- 500653336 — Bahan Perpustakaan Perubatan


Lantaran, dengan hanya melihat nombor aksesen seorang pengguna dapat mengesan di mana terletaknya buku tersebut, dan juga jumlah naskhah buku itu dippunyai oleh perpustakaan.

Bagi tesis yang dipersembahkan kepada Universiti ini, selalunya suatu salinan dibuat dalam bentuk mikrofis yang dulunya dikatalogkan berasingan. Tetapi dalam katalog COM, hanya nombor aksesen mikrofis itu ditambahkan terus kepada entri bagi naskhah asal tesis itu. Contoh-contoh entri COM dengan penerangannya diberikan di bawah.

<b>Abdul Samat bin Saberan</b> <b>Satu kajian mengenai pertembahanaraan</b> <b>kata dalam buku-buku teks darjah</b> <b>satu, dua dan tiga / Abdul Samat bin</b> <b>Saberan. — 1981</b> <b>xii, 295 leaves : 28cm.</b> <b>Also in microfiche. — Kuala Lumpur :</b> <b>Perpustakaan Universiti Malaya,</b> <b>1982. 5 microfiches : negative :</b> <b>11 x 15 cm.</b> <b>Dissertation (M.Ed.) — Universiti</b> <b>Malaya, 1981.</b> <b>Bibliography: leaves 112—117.</b> <b>X820003704 ← No. Pengawalan</b> <b>closed stacks LB1139.L3Abdss ← No. Panggilan Perpus. Besar</b> <b>Microfiche 8346</b> <b>100638196</b>	
<b>No. Aksesen buku disimpan di Koleksi Kebangsaan</b>	

Rajah 1


MODERN legal medicine : psychiatry and  
 forensic science/edited by William J. Curran,  
 A. Louis McGarry. — Philadelphia : F.A. Davis,  
 1980.  
 xxx, 1310p : ill. : 26cm.  
 Includes bibliographies.



Rajah 2

ACM transactions on database systems  
 v. 1— 1976— . — New York :  
 Association for Computing  
 Machinery  
 v. : ill. ; 26m. —(ACM series on  
 computing methodologies)

Description based on: vol.6, no.1  
 (1981).



Rajah 3